



*Hari Isnin
5 November 2001*

NEGERI PULAU PINANG

PENYATA RASMI

**DEWAN UNDANGAN NEGERI
YANG KESEPULUH**

**PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
MESYUARAT YANG KEDUA**

15 OKTOBER 2001 HINGGA 28 NOVEMBER 2001

DIKELUARKAN OLEH
UNIT DEWAN UNDANGAN NEGERI
PULAU PINANG

Hari Isnin
5 November 2001

PENYATA RASMI

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KESEPULUH

PENGGAL KETIGA MESYUARAT KEDUA

Kandungan	Muka Surat
------------------	-------------------

Ucapan Rancangan Negeri Pulau Pinang Yang Pertama (RNPP1)	3
--	---

PENYATA RASMI

DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KESEPULUH

MESYUARAT KEDUA PENGAL KETIGA

Hari Isnin : *5 November 2001*

(Tempat : *Dewan Undangan Negeri,
Lebuh Light, Pulau Pinang.)*

HADIR

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Yahaya bin Abdul Hamid) - Dato' Speaker

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon) – Ketua Menteri

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Dr. Hilmi bin Haji Yahaya) – Timbalan Ketua Menteri

Setiausaha Kerajaan Negeri (Y.B. Dato' Khalid bin Ramli)

Penasihat Undang-Undang Negeri (Dato' Alizatul Khair bt. Osman Khairuddin)

Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri (Y.B. Encik Abdul Hanan bin Alang Endut)

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Haji Abdul Rashid bin Abdullah

“ Perai (Y.B. Dato' Dr. Rajapathy a/l Kuppusamy)

“ Bukit Gelugor (Y.B. Dato' Koay Kar Huah)

“ Machang Bubuk (Y.B. Dato' Dr. Toh Kin Woon)

“ Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim)

“ Kebun Bunga (Y.B. Dr. Teng Hock Nan)

“ Telok Ayer Tawar (Y.B. Puan Jahara bt. Hamid)

“ Paya Terubong (Y.B. Dr. Loh Hock Hun)

“ Berapit (Y.B. Encik Lau Chiek Tuan)

- Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Dato' Dr. Sak Cheng Lum)
- " Padang Kota (Y.B. Encik Teng Chang Yeow)
- " Telok Kumbar (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Haji Syed Ahmad)
- " Bayan Lepas (Y.B. Encik Lim Chien Aun)
- " Sungai Bakap (Y.B. Encik Lai Chew Hock)
- " Bertam (Y.B. Encik Hilmi bin Haji Abdul Rashid)
- " Pengkalan Kota (Y.B. Encik Lee Hack Teik)
- " Bukit Tengah (Y.B. Puan Ng Siew Lai)
- " Sungai Dua (Y.B. Encik Jasmin bin Mohamed)
- " Jawi (Y.B. Puan Tan Cheng Liang)
- " Sungai Pinang (Y.B. Encik Looi Swee Cheang)
- " Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang)
- " Kampong Kolam (Y.B. Encik Lim Gim Soon)
- " Air Itam (Y.B. Encik Lye Siew Weng)
- " Permatang Berangan (Y.B. Encik Abd. Roni bin A. Hasan)
- " Seberang Jaya (Y.B. Dr. Radin Muhamad Amin bin Radin Haji Hadi Munir)
- " Penanti (Y.B. Tuan Haji Abdul Rahman bin Abdul Kadir)
- " Permatang Pasir (Y.B. Encik Mohd. Hamdan bin Abd. Rahman)
- " Batu Lancang (Y.B. Encik Law Heng Kiang)
-

TIDAK HADIR

- Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Dato' Kee Phaik Cheen)
- " Sungai Puyu (Y.B. Encik Loo Ah Dee @ Lee Ah Lee)

TURUT HADIR

Encik Kasim bin Md. Isa – (Setiausaha Dewan Undangan Negeri)

Dewan bersidang pada jam 9.35 pagi

Setiausaha:

Doa.

Dato' Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan bersidang semula.

Setiausaha:

Usul Rancangan Negeri Pulau Pinang (RNPP1) 2001 hingga 2005 daripada Y.A.B. Ketua Menteri.

UCAPAN RANCANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG PERTAMA (RNPP1)

Ketua Menteri:

Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan bahawa Dewan ini meluluskan Rancangan Negeri Pulau Pinang Pertama (RNPP1) tahun 2001 hingga 2005 yang dibentangkan sebagai risalah Dewan Undangan Negeri Bil. 9 Tahun 2001 dan menetapkan bahawa dokumen tersebut selepas mengambil kira pandangan yang dikemukakan dalam Dewan ini hendaklah digunakan oleh kerajaan negeri bagi tujuan rancangan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan untuk tempoh tahun 2001 hingga 2005.

PERLUNYA RANCANGAN LIMA TAHUN

Hampir tiga minggu dahulu, saya telah membentangkan di Dewan ini, Pelan Strategik Pembangunan Negeri Pulau Pinang yang Kedua (PSDP2) untuk jangka masa panjang bagi tempoh sepuluh (10) tahun dari 2001 hingga 2010. Usul mengenai pelan ini telah dibahas dan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Semua pandangan, cadangan dan kritikan yang membina dan berguna yang dikemukakan dalam Dewan ini akan diambil kira dan pindaan dibuat di mana yang dianggap perlu. Pelan strategik ini seterusnya akan diguna pakai sebagai panduan untuk perancangan pembangunan dari semua segi. Tujuannya ialah untuk mencapai *Penang Vision* supaya menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang maju sepenuhnya menjelang tahun 2010, dengan k-ekonomi yang berdaya saing, kualiti hidup dan alam sekitar yang tinggi, budaya yang segar dan sebuah masyarakat yang bersatu-padu, aman dan penyayang, berasaskan prinsip-prinsip kemampanan, keadilan sosial dan urus tadbir baik.

Pada hari ini, saya ingin membentangkan Rancangan Negeri Pulau Pinang yang Pertama (RNPP1) bagi tempoh 2001 hingga 2005. RNPP1 merupakan pelan lima tahun sebagai fasa pertama pelaksanaan PSDP2 dan sememangnya ianya akan diikuti oleh RNPP2 bagi tempoh 2006 hingga 2010. Sepertimana PSDP2 adalah selaras dengan Rancangan Rangka Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) di peringkat kebangsaan bagi tempoh sepuluh (10) tahun, RNPP1 berpandu pula kepada Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8) bagi tempoh lima tahun. Seperti RMKe-8, RNPP1 merupakan satu tahap penting dalam perancangan kita untuk mencapai Wawasan Negara dan *the Penang Vision*. Teras RNPP1 ialah untuk mencergaskan pertumbuhan ekonomi negeri serta menguruskannya sebaik mungkin untuk mencapai matlamat pembangunan mampan *sustainable development*. Di samping strategi-strategi asas yang telah dan sedang dilaksanakan setakat ini, RNPP1 memberi penekanan kepada beberapa dimensi baru yang berfokuskan kepada peralihan ke arah era ICT dan k-ekonomi, pengukuhan masyarakat penyayang, pembangunan sumber manusia, pembangunan sosial dan pengurusan *good governance*.

Negeri Pulau Pinang adalah di antara negeri yang pertama yang menyediakan satu pelan lima tahun, mengikut amalan di peringkat persekutuan. RNPP1 adalah bertujuan untuk membolehkan semua jabatan dan agensi kerajaan yang terlibat dalam proses pembangunan negeri ini merancang dan melaksanakan semua program dan projek yang utama masing-masing dengan mengambil satu perspektif jangka masa yang lebih panjang. Sebelum ini, perhatian hanya ditumpukan kepada menyediakan belanjawan tahunan dari tahun ke setahun mengikut perspektif jangka masa yang agak pendek. Pelan lima tahun ini digubal berdasarkan kepada *trend* perbelanjaan dalam lima tahun yang lepas, arus dan keperluan pembangunan negeri serta kapasiti kewangan Kerajaan Negeri pada lima (5) tahun yang akan datang. Ianya mengambil kira peruntukan yang berjaya diperolehi dari Kerajaan Persekutuan di bawah RMKe-8, di samping peruntukan kewangan yang dijangka dibekalkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan, Badan-Badan Berkanun dan Perusahaan Awam Bukan Kewangan atau PABK.

Anggaran belanjawan lima (5) tahun dalam RNPP1 bagi setiap sektor atau program yang utama adalah sebagai panduan untuk penyediaan belanjawan tahunan sehingga tahun 2005. Angka-angka belanjawan lima (5) tahun ini bukanlah tegar atau *rigid*, ianya sepatutnya mempunyai fleksibiliti supaya diubah jikalau perlu, mengikut keperluan dan kemampuan yang mungkin berubah. Oleh itu, RNPP1 akan dikaji semula atau *reviewed* selepas dua tahun dan Kajian Separuh Penggal atau *Mid-Term Review* akan disediakan, sepertimana Rancangan Malaysia Lima Tahun.

RNPP1 ini digubal oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), dengan kerjasama beberapa Kumpulan Kerja Antara Jabatan atau *Inter-Agency Planning Groups* (IAPG) dan dibantu oleh *Socio-Economic and Environmental Research Institute* (SERI) Pulau Pinang. Semasa persediaan laporan ini, semua jabatan dan agensi kerajaan telah digalakkan untuk mengambil pendekatan terbuka dan telus *open and transparent approach* dengan merumuskan seberapa banyak data dan angka yang boleh untuk pengetahuan umum. Ini menjadikan laporan pelan lima tahun ini agak panjang dan tebal, dengan 15 bab dan 370 muka surat. Oleh itu, adalah mustahil bagi saya untuk menghuraikan, bahkan merumuskan setiap aspek dan program. Saya akan hanya menumpukan perhatian kepada beberapa isu yang asas dan penting, khasnya mengenai cabaran-cabaran utama dalam bidang ekonomi, kemudahan infrastruktur dan pembangunan sosial. Aspek mengenai pentadbiran awam dan pengurusan kewangan kerajaan akan saya huraikan dengan lebih terperinci semasa pembentangan Belanjawan Tahun 2002 pada 19 November kelak.

Sememangnya, inilah kali pertamanya rancangan lima tahun seumpama ini digubal oleh kerajaan bagi Negeri Pulau Pinang. Sudah pastinya ada kekurangan dan kecacatan dalam pelan ini. Ada juga di antara angka-angka yang ditunjukkan mungkin kurang tepat atau kurang mencukupi untuk membuat perbandingan atau penilaian yang objektif terhadap pencapaian di dalam pelbagai aspek secara teliti. Saya sedar akan kekurangan ini dan langkah-langkah tertentu sebenarnya telah diambil dengan kerjasama SERI untuk mewujudkan beberapa indikator atau petunjuk pertumbuhan ekonomi, pembangunan sosial dan kualiti hidup, di peringkat negeri dan daerah agar perbandingan yang lebih realistik dapat dilakukan pada masa-masa yang akan datang. Saya juga mengalu-alukan pandangan positif dan kritikan membina dari semua Ahli Yang Berhormat. Selepas perbincangan usul ini, pindaan-pindaan akan dibuat jikalau perlu sebelum RNPP1 ini dimuktamadkan untuk menjadi panduan bagi perancangan semua program dan aktiviti pembangunan negeri kita ini bagi tempoh lima tahun yang akan datang.

Pertumbuhan Ekonomi, Transformasi Perindustrian dan ICT

Dato' Speaker, mengikut unjuran yang dibuat dalam PSDP2, ekonomi Negeri Pulau Pinang dijangka akan bertumbuh pada kadar purata 6.9 peratus setahun dalam tempoh RNPP1. Walau bagaimanapun, kemelesetan industri elektronik sedunia yang berterusan serta peristiwa 11 September dan tindak balas Amerika Syarikat terhadap Afghanistan telah menjejaskan sektor pelancongan dan perdagangan. Oleh itu, adalah dianggarkan bahawa kadar

pertumbuhan ekonomi negara bagi tahun ini akan menurun ke tahap kurang daripada satu peratus, seperti yang dinyatakan oleh Perdana Menteri kita baru-baru ini. Kadar pertumbuhan ekonomi bagi negara-negara yang lebih maju di Asia telah juga banyak menurun, misalnya ekonomi Singapura dianggar mungkin menguncup sebanyak lima (5) peratus. Sebenarnya, struktur dan sifat dasar ekonomi Negeri Pulau Pinang adalah hampir-hampir sama dengan Singapura, Hong Kong dan Taiwan, iaitu banyak menumpu kepada sektor pembuatan, perdagangan, pelancongan dan perkhidmatan. Oleh itu, ekonomi negeri kita dijangka akan juga menguncup sebanyak dua hingga tiga peratus pada tahun ini.

Dalam keadaan ekonomi yang agak meleset dan tidak menentu ini, adalah sukar untuk membuat unjuran yang tetap mengenai *trend* dan kadar pertumbuhan bagi tahun 2002 hingga 2005. Walau bagaimanapun, kalau tidak berlakunya lagi kejutan luaran atau *external shock* yang drastik dan serius, adalah dijangka bahawa ekonomi negara dan negeri mungkin akan pulih mencatat pertumbuhan positif di lingkungan 2 hingga 3 peratus pada tahun 2002 dan 3 hingga 4 peratus bagi tahun 2003. Selepas itu, sekiranya pasaran dunia dalam sektor pembuatan berkembang pesat dengan penggunaan ICT serta teknologi tinggi dan baru, maka anggaran kadar pertumbuhan bagi tahun 2004 dan tahun 2005 mungkin melebihi 5 peratus. Ini bermakna bahawa kadar pertumbuhan ekonomi purata negeri kita bagi tempoh RNPP1 akan hanya mencapai 4.7 peratus setahun dan bukan 6.9 peratus setahun seperti yang dianggarkan sebelum ini.

Walaupun bagaimanapun, sekiranya strategi-strategi ekonomi negara dan negeri dapat dilaksanakan dengan berjaya dan berhasil, maka kadar pertumbuhan bagi tempoh lima (5) tahun selanjutnya, iaitu 2006 hingga 2010, mungkin akan lebih pesat dan rancak lagi. Oleh itu, kadar pertumbuhan bagi tempoh sepuluh (10) tahun sehingga 2010 masih mungkin mencapai purata 7 peratus setahun. Ini bermakna bahawa sasaran KDNK perkapita sebanyak RM25,000.00 masih mungkin dapat dicapai, iaitu sasaran negeri yang maju sepenuhnya atau *advanced state* pada tahun 2010 masih boleh menjadi kenyataan. Akan tetapi, harus diakui bahawa proses untuk mencapai sasaran ini sudah menjadi lebih rumit daripada apa yang dijangka sebelum peristiwa 11 September dan oleh itu memerlukan usaha yang lebih gigih dan langkah yang lebih pintar.

Walaupun keadaan telah berubah dan kadar pertumbuhan yang diunjurkan menurun, strategi-strategi utama PSDP2 masih relevan bagi tempoh RNPP1, bahkan perlaksanaan sebenarnya menjadi lebih mendesak lagi dan patut dipergiatkan dengan lebih gigih lagi. Ini adalah kerana arus arah dan sasaran utama PSDP2

adalah untuk memberangsangkan peralihan ekonomi negeri ke sebuah k-ekonomi yang berdaya saing dalam konteks globalisasi dan liberalisasi. Walaupun kemelesetan industri elektronik telah mengurangkan pengeluaran produk-produk elektronik pada keseluruhannya di seluruh dunia, ianya juga telah banyak mendesak syarikat-syarikat multi-nasional atau MNC untuk mempercepatkan proses transformasi perindustrian atau *industry of tranformasion* yang telah dan sedang berlangsung sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Proses transformasi perindustrian yang pertama ialah menerokai teknologi yang baru dan merekabentuk produk-produk yang lebih canggih untuk mencari pasaran yang baru. Teknologi tinggi yang baru atau "*new hi-tech*" termasuklah fotonik, nano-teknologi, *wireless communication*, automasi dan sebagainya. Kedua, meningkatkan kualiti dan fungsi produk yang sedia ada serta mengurangkan kos pengeluarannya melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D) supaya lebih berdaya saing. Ketiga, mempertingkatkan penggunaan ICT dan perisian atau *software* dalam produk-produk mereka. Keempat, memindah pengeluaran mereka ke negara atau kawasan lain yang mempunyai kos yang lebih rendah atau lebih berdaya saing. Kelima, mengamalkan *out-sourcing* atau *contract manufacturing*, iaitu memberi kontrak kepada kilang-kilang di negara-negara lain untuk mengeluarkan produk-produk yang nantinya akan diberi jenama atau *brand name* mereka. Dalam perkara ini, negara China dan negara India telah buru-buru ini muncul sebagai pesaing utama kepada negara kita. Cabaran ini hendaklah ditangani.

Oleh itu, dibawah NPP1, kerajaan negeri akan mempergiatkan lagi beberapa strategi utama untuk menangani dan memantapkan proses transformasi perindustrian bagi ekonomi negeri kita. Pertama, menghubungi dengan rapat dan menyakinkan syarikat-syarikat multi-nasional atau MNC untuk terus kekal, tetapi beralih dari proses *labour-intensive* ke proses *technology-intensive* dan *high valude-added*, memindah pengeluaran produk-produk baru ke negeri ini, menubuhkan pusat atau makmal "R&D" di sini dan sebagainya. Kedua, membantu meningkatkan keupayaan dan kapasiti industri kecil dan sederhana iaitu IKS tempatan supaya mereka dapat menjadi pembekal atau *contract manufacturers* bahkan *own brand manufacturer* atau "OBM" bagi pasaran dunia. Salah satu pelan yang penting yang baru dilancarkan oleh kerajaan negeri kita dengan kerjasama dan peruntukan Kerajaan Persekutuan ialah memperkenalkan dan memajukan sistem pengurusan bekalan global atau *global supply chain management* yang dikenali sebagai *Rosetta Net*. Yang ketiga, terus membantu dan bekerjasama dengan pihak

universiti dan industri untuk mendapatkan peruntukan dana R&D dari Kerajaan Persekutuan atau dana teroka swasta iaitu *private angel fund* supaya menerokai dan mereka bentuk produk-produk berteknologi tinggi yang baru atau *new hi-tech products*.

Untuk menampung keperluan sumber manusia yang kian meningkat dan mendesak dalam bidang *new hi-tech* ini, kerajaan melalui PDC dan PSDC telah dan akan terus menyokong dan bekerjasama rapat dengan beberapa institusi pengajian tinggi, khasnya Universiti Sains Malaysia (USM, Multimedia Universiti (MMU) dan Universiti Malaya (UM) untuk membentuk dan menawarkan latihan jangka masa pendek dan program pengajian bagi beberapa peringkat ijazah untuk mengeluarkan sumber tenaga manusia yang terlatih dalam bidang-bidang *new hi-tech* ini. Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC) dan maktab-maktab swasta juga akan terus digalakkan untuk menawarkan kursus-kursus teknologi yang *relevan*. Untuk menggalakkan dan menyelaraskan penawaran kursus dan penyelidikan dalam bidang-bidang baru ini, sebuah Majlis Sains dan Teknologi Negeri Pulau Pinang akan ditubuhkan.

Di samping itu, Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kepala Batas, Institut Latihan Kemahiran Arumugam Pillai (ILKAP), Institut Kemahiran MARA (IKM) dan dua buah politeknik yang baru, iaitu Politeknik Pulau Pinang dan Politeknik Kota Pulau Pinang akan di bina, manakala program latihan di Politeknik Seberang Perai dan Japan-Malaysia Technical Institute (JMTI) serta program-program pengajian IT, sains dan kejuruteraan di USM dan kampus cawangan UiTM akan diperbesarkan dan dipertingkatkan. Untuk tujuan ini, sebanyak RM588.52 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan di bawah RMKe-8. Di samping itu, peruntukan sebanyak RM16.0 juta disediakan untuk pembesaran dan peningkatan peralatan bagi PSDC.

ICT merupakan asas yang amat penting untuk kemajuan ekonomi dan pembangunan sosial dalam era baru. Selaras dengan strategi PSDP2, kerajaan negeri dalam tempoh RNPP1 akan meneruskan usaha dan tumpuan untuk mempertingkatkan pembangunan serta penggunaan ICT dalam negeri kita ini. Majlis K-ICT yang ditubuhkan pada tahun lepas telah giat bergerak dan agenda ICT negeri sedang digubal untuk tempoh sepuluh (10) tahun yang akan datang. Di antara langkah-langkah yang akan diusahakan termasuklah menambah dan menaik taraf infrastruktur ICT supaya meningkatkan kebolehcapaian atau *access* yang lebih meluas, meningkatkan pembangunan sumber manusia dalam bidang ICT untuk mewujudkan *k-workers* yang bermutu dan mencukupi, meningkatkan pelbagai aplikasi untuk pembangunan semua sektor

ekonomi dan untuk perkhidmatan kerajaan yang lebih berkesan dan telus. Sasaran kerajaan negeri ialah untuk menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai pusat kecemerlangan ICT di rantau ini berasaskan kepada industri elektronik, komputer dan telekomunikasi yang maju yang sedia wujud.

PEMBANGUNAN SEKTOR-SEKTOR LAIN DAN PENYERTAAN SEIMBANG

Dato' Speaker, dalam sepuluh (10) tahun kebelakangan ini, Negeri Pulau Pinang berjaya menarik ramai pelancong. Lebih daripada 60.0 peratus terdiri daripada pelancong asing, terutamanya dari Britain, Eropah, Jepun dan Australia yang merupakan punca-punca tradisi pelancong bagi negeri kita ini. Walau bagaimanapun, selepas peristiwa 11 September, bilangan pelancong daripada negara-negara ini telah banyak berkurangan dan tren ini dijangka akan berterusan buat dua hingga tiga tahun. Oleh itu, di bawah RNPP1, usaha untuk menarik pelancong dari negara-negara seperti China, India, Asia Timur dan Asean akan dipertingkatkan di samping cuba memulihkan punca-punca tradisi kita. Kerajaan negeri akan juga meningkatkan lagi usaha promosinya bersama-sama dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan serta dengan negeri-negeri dan kawasan-kawasan jiran dalam konteks Segitiga Pertumbuhan IMT atau IMTGT. Promosi bersama akan juga diusahakan dengan negeri-negeri lain seperti Melaka, Sabah dan Sarawak.

Dalam tempoh RNPP1, usaha akan ditumpukan kepada dua aspek pembangunan produk pelancongan. Yang pertama, mempertingkatkan mutu produk-produk pelancongan yang sedia ada seperti membersihkan dan mengindahkan Bukit Bendera, Kebun Bunga, kawasan pantai, hutan lipur serta mempertingkatkan kemudahan-kemudahan asas. Sejumlah RM15.0 juta diperuntukkan bagi tujuan ini di bawah kerajaan negeri, manakala kerajaan tempatan melalui MPPP dan MPSP dijangka memberi peruntukan sebanyak RM44.0 juta untuk kerja-kerja landskap dan kemudahan rekreasi yang merupakan peningkatan sebanyak 59.0% berbanding dengan tempoh lima (5) tahun yang lepas. Sebanyak RM100.0 juga diperuntukkan dalam bentuk geran kerajaan tempatan dan negeri serta pinjaman Kerajaan Persekutuan untuk tujuan pemuliharaan warisan dan pembaharuan bandar raya pusat bandaraya Georgetown supaya dapat dicalonkan dalam senarai Warisan Sedunia, serta pemuliharaan beberapa buah kampung tradisi.

Yang kedua ialah membangunkan beberapa produk pelancongan yang baru. Pembangunan Pulau Jerjak telah dimulakan, dengan fasa pertamanya dijangka siap pada penghujung tahun 2002, fasa kedua pada penghujung tahun 2003 dan fasa ketiga pada penghujung tahun 2006. Kerja-kerja ukur dan menyediakan pelan pembangunan bagi Taman Negara Pantai Acheh juga telah dimulakan dan fasa pertama pembangunan dijangka akan dimulakan pada penghujung tahun 2002 melalui peruntukan persekutuan yang akan ditetapkan nanti. Kerajaan negeri sedang mempertimbangkan cadangan untuk membina *cable car system* dan mewujudkan beberapa tarikan baru bagi Bukit Bendera. Usaha mempromosikan pelancongan MICE iaitu (*Meetings, Incentives, Conventions and Exhibitions*), pelancongan kesihatan, eko dan agro-pelancongan akan terus dipertingkatkan.

Salah satu bidang utama dalam sektor perkhidmatan ialah pengangkutan. Dalam tempoh lima tahun yang lepas, nilai import dan eksport melalui pelabuhan dan lapangan terbang Pulau Pinang telah meningkat lebih daripada 100.0 peratus, pergerakan kargo melalui pelabuhan dan lapangan terbang meningkat hampir 15.0 peratus dan 60.0 peratus masing-masing. Kemudahan infrastruktur pengendalian kargo laut dan udara akan terus dipertingkatkan, di samping mengembangkan sistem jalan raya dan kereta api bagi pengangkutan darat. Perkhidmatan logistik yang telah berkembang dengan pesat dalam tempoh 10 tahun yang lepas akan terus di perembangkan. Tumpuan akan diberi untuk menggalakkan penubuhan pusat perolehan antarabangsa atau (*international procurement centre*), khasnya untuk industri pembuatan, serta memperluaskan penggunaan e-dagang dalam semua bidang sektor perkhidmatan. Satu lagi bidang perkhidmatan yang baru yang sedang berkembang dan boleh diberangsangkan ialah pusat panggilan atau *call centres* bagi syarikat-syarikat multinasional dalam sektor pembuatan, perbankan, insurans dan sebagainya dengan menggunakan Internet dan rangkaian ICT.

Dalam tempoh RNPP1, usaha akan diteruskan untuk membangunkan sektor perdagangan negeri ini supaya Negeri Pulau Pinang akan terus mengekalkan bahkan mempertingkatkan kedudukannya sebagai *hub* perdagangan bagi rantau ini dengan menggunakan dan meningkatkan kemudahan lapangan terbang, pelabuhan dan rangkaian rel yang sedia ada. Perdagangan yang dimaksudkan bukan sahaja terhad kepada *manufactured goods*, tetapi juga kepada bahan-bahan asas tani, makanan dan sebagainya. Perlaksanaan AFTA dan WTO pada tahun 2003 sudah pastinya akan membawa

peluang dan ancamannya. Oleh itu, Kerajaan Negeri bersama-sama dengan Kerajaan Persekutuan akan meneruskan usaha untuk membantu sektor perkhidmatan menyesuaikan diri dalam era globalisasi dan liberalisasi ini. Dalam sektor kewangan, tumpuan akan diberi untuk memperkukuhkan pasaran modal, khasnya industri modal teroka tempatan atau *venture capital* tempatan, memperkukuhkan industri insurans dan mempertingkatkan pelbagai jenis perkhidmatan profesional dan *business*.

Walaupun sumbangan sektor pertanian dan perhutanan kepada KDNK telah menurun dari 1.5 peratus kepada 1.3 peratus dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini, nilai mutlaknya telah meningkat sedikit, hasil daripada usaha bersama oleh sektor swasta dan kerajaan. Pertanian dijangka berkembang dengan lebih pesat dalam tempoh lima (5) tahun yang akan datang kerana tumpuan terhadap pertanian yang ditujukan oleh Kerajaan Persekutuan baru-baru ini. Bagi Negeri Pulau Pinang, tahap sara diri atau *self-sufficiency* bagi tanaman padi dan buah-buahan akan dikekalkan pada 70.0 peratus, manakala akan ditingkatkan untuk sayur-sayuran dan kelapa dari 40.0 peratus dan 35.0 peratus kepada 45.0 peratus dan 40.0 peratus masing-masing. Berbagai-bagai program latihan dan khidmat pengembangan akan terus disediakan untuk para petani, penternak dan nelayan, terutamanya dalam teknologi baru, pelan perniagaan, pembangunan usahawanan dan kemudahan kredit. IADP dan JPS akan terus meningkatkan infrastruktur dan sistem pengurusan pengairan di kawasan jelapang padi. Tumpuan khas akan diberi untuk meningkatkan pengeluaran daripada 250 buah IKS yang sedia terlibat dalam produk-produk makanan serta memberangsangkan pembangunan industri asas tani yang baru pada amnya.

Dalam tempoh lima tahun yang lalu, program pembangunan luar bandar melalui PERDA dan Pejabat Daerah telah ditumpukan kepada pembasmian kemiskinan, pembangunan infrastruktur asas, seperti jalan kampung, bekalan elektrik dan air luar bandar, program peningkatan ekonomi kampung, pembangunan masyarakat setempat dan program makanan untuk tambahan kanak-kanak termiskin. Sasaran bagi lima tahun yang akan datang ialah untuk mengurangkan kadar kemiskinan mutlak atau *absolute poverty* dari 2.7 peratus kepada kosong dengan meneruskan usaha-usaha tersebut. Tumpuan akan diberi terhadap peningkatan produktiviti luar bandar melalui pemodenan dan pengkomersialan aktiviti-aktiviti pertanian, pembangunan industri kampung dan perniagaan kecil serta program latihan dalam kemahiran dan pembinaan minda.

Perkhidmatan KEMAS akan terus di perluaskan dan di pertingkatkan termasuk pembangunan Gerakan Desa Wawasan (GDW), Program Bina Insan untuk golongan remaja akan di perluaskan juga melalui kaedah kaunseling dan motivasi untuk mencegah gejala sosial.

Dalam tempoh lima tahun yang lepas, lebih daripada 20,000 orang usahawan dan bakal usahawan Bumiputera telah mendapat manfaat daripada latihan keusahawanan, khidmat nasihat, seminar dan promosi yang dilaksanakan oleh PDC, PERDA, MARA dan Dewan Perniagaan Melayu. Usaha ini akan dipertingkatkan dalam tempoh RNPP1 dengan tujuan untuk mewujudkan lebih ramai usahawan Bumiputera yang berdaya maju dan mampu bersaing. Tumpuan akan diberi untuk meningkatkan penguasaan teknologi dan aksesibiliti modal bagi mereka, menyediakan lebih banyak ruang dan premis perniagaan, khasnya di kawasan bandar, menggalakkan program pembangunan *francis* dan *vendor*, menggalakkan pembangunan *technopreneurs*, mempertingkatkan kemudahan dan kemahiran ICT dan sebagainya. Untuk menyediakan usahawan Bumiputera menghadapi saingan perniagaan secara global, Institusi Usahawan Negara di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan akan diwujudkan. Peranan Bahagian Penyelarasan Penyertaan Bumiputera akan diperkukuhkan lagi sebagai agensi penggalakkan dan pemantauan untuk penyertaan Bumiputera di negeri kita ini.

Selain daripada penyertaan Bumiputera, penyertaan ekonomi yang lebih berkesan dan bermakna oleh golongan-golongan tersekat yang lain akan juga terus digalakkan supaya mencapai sasaran pembangunan seimbang. Ini termasuklah golongan berpendapatan rendah dari komuniti keturunan India, terutamanya mereka yang tersingkir dari estet yang berpecah atau *fragmented estates*. Kerajaan Negeri juga akan mempertingkatkan lagi usaha kerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan yang berkenaan untuk membantu dan meningkatkan lagi kemahiran golongan kurang upaya atau *disabled groups* supaya mereka dapat bekerja dan hidup secara lebih bermakna lagi.

Pembangunan Infrastruktur dan Utiliti

Dato' Speaker, Infrastruktur pengangkutan darat, udara dan laut merupakan asas yang amat penting untuk pembangunan ekonomi dan peningkatan kualiti hidup bagi rakyat. Untuk pengangkutan darat, sebanyak RM286.2 juta disediakan oleh kerajaan negeri di bawah RNPP1 untuk

beberapa projek pembinaan jalan, parit dan jambatan yang baru serta menaik taraf yang sedia ada. Ini merupakan peningkatan sebanyak RM122.5 juta atau 75.0 peratus berbanding dengan peruntukan tempoh lima (5) tahun yang lepas, yang menunjukkan komitmen kerajaan negeri. Di samping itu, sebanyak RM394.0 juta diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan di bawah RMK Ke-8 bagi beberapa projek membina jalan baru, menaik taraf jalan persekutuan, membina jejambat dan jambatan dan sebagainya.

Kegawatan ekonomi pada tahun 1997 hingga 1999 telah menjejaskan dan melambatkan pelaksanaan tiga (3) projek pembinaan infrastruktur lebuh raya yang telah diswastakan pada tahun 1996 dan 1997. Ini adalah kerana tiga (3) projek penswastan ini menggunakan kaedah "*cross-subsidy*," iaitu pembangunan hartanah melalui menebus guna tanah untuk menjanakan hasil bagi menampung kos pembinaan lebuhraya. Kaedah "*cross-subsidy*" ini memang menghadapi kesulitan dalam keadaan pasaran hartanah yang lembab. Lingkaran Luar Butterworth (BORR) yang sekarang berada di dalam proses pelaksanaan telah diberi peruntukan persekutuan di bawah RMKe-8 sebanyak RM293.0 juta untuk pembinaan Jambatan Perai dan pendahuluan pengambilan tanah bagi jajaran BORR. Lingkaran Luar Pulau Pinang (PORR) yang sekarang berada di peringkat persediaan yang terakhir untuk pelaksanaan telah juga diberi RM81.0 juta dalam bentuk pinjaman di bawah RMKe-8 bagi tujuan pengambilan tanah yang dijangka akan bermula tidak lama lagi. Lebuhraya Jelutong (*J-Way*) yang merupakan projek penswastan oleh kerajaan negeri juga berada di dalam proses pelaksanaan, melalui sumber dana syarikat itu sendiri. Perbincangan sedang diadakan di antara kerajaan negeri dan Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri untuk meninjau cara bagaimana dapat membantu untuk memudahkan dan mempercepatkan lagi pelaksanaan tiga (3) projek infrastruktur ini.

Kerajaan Persekutuan juga telah memulakan perancangan untuk mengenal pasti jajaran jambatan kedua bagi menghubungkan bahagian pulau dengan Seberang Perai. Selepas perundingan di antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri, adalah dipersetujui secara prinsipnya bahawa laluan selatan dari Batu Kawan ke Batu Maung merupakan laluan yang lebih sesuai untuk menyuraikan lalu lintas, mengagihkan tekanan dan potensi pembangunan ke bahagian selatan negeri ini pada masa hadapan, mengelakkan masalah alam sekitar serta beberapa masalah berkaitan dengan pembangunan pelabuhan dan pemuliharaan warisan *Georgetown*. Adalah dijangka bahawa

kajian yang lebih teliti termasuk EIA dan impak trafik serta kerja reka bentuk akan mengambil masa setahun lagi sebelum pembinaan boleh dimulakan.

Pembinaan jalan lingkaran luar, lebuh raya dan jambatan kedua seperti yang diuraikan di atas memang penting untuk mewujudkan satu sistem penyuraian lalu lintas dengan izin *traffic dispersal system* yang cukup lengkap dan selamat bagi kawasan metropolitan di bahagian pulau dan Seberang Perai. Walau bagaimanapun, adalah jelas bahawa pembinaan jalan dan lebuh raya sahaja dengan sendirinya tidak mencukupi untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas pada masa hadapan. Oleh itu, satu sistem pengangkutan mampan atau "*sustainable transport system*" hendaklah diwujudkan. Sebagai tahap yang pertama, sistem perkhidmatan bas hendaklah dinaiktaraf dan diperluaskan, termasuk mewujudkan sistem "*park and ride*." Perancangan pembangunan hartanah hendak mengambil kira impak terhadap lalu lintas. Di samping itu, kemungkinan sistem LRT atau *monorel* akan diterokai dari segi "*cost-effectiveness*" bagi jangka masa panjang. Sasaran dalam tempoh sepuluh (10) tahun ialah untuk mewujudkan satu sistem pengangkutan awam yang komprehensif dan efektif dengan mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian. Kerajaan negeri akan memperkukuhkan lagi mekanisma dan keupayaan perancangan dan pengurusan lalu lintas serta melibatkan perundingan dan penyertaan orang awam dan NGO dalam mewujudkan sistem baru ini.

Dalam tempoh RNPP1, Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas atau (BLIA) dan Pelabuhan Pulau Pinang akan terus berkembang dan memperkukuhkan peranannya sebagai *hub* pengangkutan udara dan laut bagi wilayah utara Semenanjung Malaysia dan Wilayah IMT-GT. Projek pembinaan kompleks kargo udara kedua dan pembesaran terminal penumpang telah siap baru-baru ini. Selanjutnya, sejumlah RM39.0 juta diperuntukkan di bawah RMKe-8 untuk meningkatkan beberapa kemudahan dan peralatan di BLIA. Kerajaan negeri telah memulakan perbincangan dengan *Malaysia Airport Berhad* (MAB) untuk memanjangkan landasan terbang atau *runway* supaya dapat menampung kapalterbang *Boeing 747-400* dengan muatan penuh atau *full load* bagi jarak jauh maksima. Perbincangan juga telah dimulakan dengan MAS untuk merancang pembinaan kargo kompleks MAS yang baru bertapak di sebelah kompleks MAB baru supaya diwujudkan satu kawasan pengendalian kargo udara yang bersepadu.

Fasa pertama bagi projek pembinaan dermaga baru untuk Pusat Pelayaran Anatarabangsa atau '*International Cruise Centre*' di Pengkalan *Swettenham* telah diluluskan untuk perlaksanaan di bawah RMKe-8. Fasa 2B memperbesarkan Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT) dijangka akan diteruskan juga di bawah RMKe-8 selepas kajian separuh penggal untuk menampung keperluan kontena yang kian meningkat. Beberapa isu perancangan yang berkaitan dengan projek kemudahan tangki petrokimia berpusat oleh sektor swasta yang terletak di bahagian utara NBCT dijangka akan dapat diselesaikan tidak lama lagi dan perlaksanaannya dapat dimulakan selepas awal tahun hadapan. Perkhidmatan feri juga akan dipertingkatkan dan diperbesarkan untuk menampung keperluan masa hadapan. Untuk projek-projek tersebut, *Penang Port Sdn Bhd* telah menyediakan peruntukan sebanyak RM350.0 juta di bawah RMKe-8.

Sebanyak RM1.7 billion telah dibelanjakan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam tempoh lima tahun yang lepas untuk projek dua kabel dasar laut dari Juru ke Batu Maung dengan jumlah kapasiti 1,000 MVA, pembesaran Stesen Janakuasa Gelugor dari 60 MW ke 330 MW *combine cycle*, beberapa projek pembinaan PMU, penanaman kabel dan pemasangan talian. Projek-projek utama ini telah dapat menjamin dan meningkatkan kapasiti bekalan elektrik untuk seluruh Negeri Pulau Pinang. Untuk meneruskan komitmen ini, beberapa projek utama akan dilaksanakan di bawah RMKe-8 yang melibatkan anggaran belanjawan sebanyak RM830.0 juta. Ini termasuk pembinaan semula Stesen Janakuasa Perai, pembinaan pencawang-pencawang pembahagian utama atau PPU, pengukuhan sistem dengan penanaman kabel, peningkatan kapasiti alatubah dan sebagainya.

Sistem telekommunikasi adalah asas bagi pembangunan era ICT dan k-ekonomi. Dalam tempoh lima tahun yang lepas, Syarikat Telekom Malaysia (STM) telah membelanjakan RM205.0 juta untuk menanam *cable optic fiber* sepanjang 633 *fiber kilometer* yang dapat memberi perkhidmatan kepada hampir 90 peratus para penduduk negeri ini. Cabaran untuk tempoh RNPP1 ialah untuk menyambung *cable optic fiber* ini ke kawasan perumahan, pangsapuri dan rumah orang perseorangan dengan rangkaian dan sambungan atau *connection* yang mempunyai kapasiti yang lebih besar. Untuk sebahagian daripada tujuan ini, STM telah menyediakan RM125.9 juta untuk tempoh RNPP1. Di samping itu, syarikat-syarikat telekommunikasi swasta yang lain pun sedang dan akan terus meningkatkan kapasiti "*connectivity*" masing-masing.

Kerajaan negeri adalah komited untuk menentukan bekalan air berkualiti adalah mencukupi bagi memenuhi keperluan penduduk dan pembangunan Negeri Pulau Pinang. Untuk tempoh lima tahun yang lepas, permintaan bekalan air telah meningkat dari kadar tahunan dari 604 juta liter sehari kepada 741 juta liter sehari. Keperluan air dijangka akan meningkat kepada kira-kira 900 juta liter sehari pada tahun 2006. Kerajaan negeri telah membelanjakan sebanyak RM219.0 juta untuk membina beberapa projek utama seperti Empangan Telok Bahang dan Loji Rawatan Batu Ferringhi. Untuk tempoh RNPP1, peruntukan sebanyak RM500 juta telah disediakan untuk melaksanakan beberapa projek utama lagi. Antaranya ialah Skim Sungai Muda Fasa 4A yang akan merangkumi komponen meninggikan Empangan Mengkuang, pembesaran terusan air dari Sungai Muda ke Loji Rawatan Sungai Dua, pembinaan loji baru di Sungai Dua serta penggantian paip lama dan pengurangan pembaziran air.

Alam Sekitar dan Kualiti Hidup

The Penang Vision untuk menjadi negeri kita ini sebuah negeri yang maju sepenuhnya menjelang tahun 2010 berasaskan kepada prinsip kemampanan atau "*sustainability*." Pembangunan ekonomi tidak sepatutnya menjejaskan kualiti alam sekitar dan kualiti hidup. Di sebaliknya, proses pembangunan hendaklah memulihara, bahkan meningkatkan lagi kualiti alam sekitar dan kualiti hidup supaya pembangunan menjadi berterusan, berdaya saing dan bermakna untuk semua bagi jangka masa panjang. Peka terhadap realiti ini, Kerajaan negeri adalah komited terhadap alam sekitar dan kualiti hidup. Strategi Pemuliharaan Alam Sekitar Pulau Pinang atau "*Penang Environment Conservation Strategy*" (PECS) telah digubal pada tahun 1999. PECS telah mengenal pasti isu-isu utama dalam pemuliharaan alam sekitar, merumuskan rangka kerja dan garis panduan, serta mengesyorkan program tindakan dan mekanisme untuk pelaksanaan strategi tersebut. Isu-isu utama termasuklah pencemaran alam sekitar, banjir, hakisan pantai dan bukit.

Pencemaran tanah, air dan udara oleh beberapa jenis sisa memerlukan sistem pelupusan dan pengurusan yang berkesan untuk menanganinya. Yang pertama ialah sisa pepejal dan sampah sarap yang kian meningkat. Lanjutan dari pengalaman melaksanakan tapak pelupusan sisa pepejal sanitari tahap kedua di Ampang Jajar yang agak berjaya, tapak di Pulau Burung sedang dinaiktaraf untuk menjadi tapak pelupusan

sanitari tahap ketiga bagi seluruh Negeri Pulau Pinang dengan rawatan secara lebih berkesan licin dan gas yang dijanakan. Dalam tempoh RNPP1, kaedah-kaedah pelupusan yang lain akan diterokai dan sekiranya didapati lebih mesra alam dan '*cost-effective*' akan diguna pakai untuk jangka masa panjang. Yang kedua ialah sisa industri yang toksid atau berjadual. Semasa menunggu usaha meningkatkan sistem pelupusan sisa industri berpusat di peringkat kebangsaan yang dikendalikan oleh Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan Jabatan Alam Sekitar sedang menggalakkan kilang-kilang dalam negeri ini untuk mencapai piawaian ISO14001 dan menggunakan '*green technology*' setakat mana yang boleh.

Yang ketiga ialah sisa kumbahan yang hendaklah dikendalikan oleh sistem pembetungan yang berkesan. Keputusan Kerajaan Persekutuan untuk mengambil alih projek penswastan sistem pembetungan IWK yang didapati tidak berhasil dan banyak bermasalah memang sangatlah dialu-alukan. Di bawah RMKe-8, peruntukan sebanyak RM304.0 juta disediakan untuk projek-projek pembetungan di negeri kita termasuk pembinaan loji rawatan pembetungan di Jelutong sebanyak RM70.0 juta, di Bayan Baru sebanyak RM31.0 juta dan di Sungai Nyir sebanyak RM114.0 juta. Peruntukan RMKe-8 ini merupakan tahap pertama kerana kos keseluruhan projek-projek pembetungan di Negeri Pulau Pinang dijangka melebihi RM900.0 juta. Adalah diharapkan bahawa masalah pencemaran yang serius ini akan dapat ditangani mulai pertengahan dekad ini. Yang keempat ialah sisa temakan khasnya khinzir. Kerajaan Negeri baru-baru ini telah merangka dan menguatkuasakan satu strategi dan garis panduan untuk mengawal pencemaran ke tahap yang paling rendah untuk menuju ke arah '*zero discharge*' serta memberi insentif dan galakkan kepada para penternak untuk menukar kegunaan tanah ternakan kepada kegiatan ekonomi yang lain.

Langkah-langkah tersebut untuk mengawal dan mencegah pencemaran sisa akan membantu memulihkan kualiti air sungai dan air laut di negeri kita ini oleh kerana kebanyakan bahan pencemar akhirnya disalurkan ke dalam sungai dan laut. Di samping itu, usaha-usaha konkrit untuk mengendalikan sungai yang sangat tercemar akan juga dimulakan. Projek pertama ialah projek membersihkan Sungai Pinang yang telah diberi peruntukan persekutuan sebanyak RM50.0 juta di bawah RMKe-8, untuk memulihkan sungai ini supaya menjadi kawasan riadah dan rekreasi di pusat bandar raya. Kerajaan negeri sedang

berunding dengan Kerajaan Persekutuan supaya mendapatkan peruntukan tambahan untuk memulakan kerja membersihkan Sungai Juru yang juga merupakan salah satu sungai yang paling tercemar sekali. Cadangan untuk memulihkan sungai-sungai yang lain akan juga dikemukakan kelak.

Kerja pembersihan sungai adalah juga berkaitan dengan fungsi tebatan banjir. Sebanyak RM40.0 juta di bawah RMKe-8 telah diperuntukkan bagi tahap pertama projek tebatan banjir Sungai Perai. Adalah diharapkan bahawa pelaksanaan projek ini bersama-sama dengan sasaran untuk mencegah pencemaran temakan pada akhirnya akan membolehkan Sungai Perai memainkan peranan dan potensinya sebagai satu kawasan tadahan air utama pada masa hadapan. Peruntukan sebanyak RM137.0 juta lagi disediakan di bawah RMKe-8 untuk rancangan tebatan banjir kawasan perbandaran Georgetown, Sungai Rambai, Sungai Junjung dan Nibong Tebal. Di samping itu di bawah RNPP1, kerajaan negeri sendiri juga menyediakan sejumlah RM82.0 juta untuk berbagai-bagai projek kecil tebatan banjir, penyelenggaraan sungai dan pengairan. Satu lagi projek tebatan banjir raksasa adalah berkaitan dengan kawasan Sungai Muda dengan peruntukan sebanyak RM400.0 juta di bawah RMKe-8. Oleh kerana sebahagian besar projek ini melibatkan kawasan dalam Negeri Kedah, maka peruntukan ini telah dimasukkan ke dalam senarai RMKe-8 untuk Negeri Kedah dan bukan di bawah Negeri Pulau Pinang.

Pencemaran air laut dan hakisan pantai juga telah menjadi semakin serius. Oleh itu, kerajaan negeri dengan kerjasama DANCED telah melaksanakan projek untuk mewujudkan Pelan Pengurusan Pantai Bersepadu atau "*Integrated Coastal Zon Management*" (ICZM) bagi seluruh Negeri Pulau Pinang. Pelan ini yang dimulakan kajian sejak tahun 1996 telah siap digubal pada tahun lepas. Ianya merangkumi strategi menguruskan isu kualiti air, hutan bakau, perikanan dan pelancongan di zon pantai melalui kerjasama yang lebih bersepadu di antara semua pihak yang terlibat. Pelan ICZM ini akan dilaksanakan dalam tempoh RNPP1 dengan penubuhan satu mekanisma pentadbiran untuk menyelaraskan pengurusan zon pantai dan perikanan pantai secara bersepadu. Usaha kerajaan negeri ini akan didorong dan disokong oleh penyelidikan yang dijalankan oleh ICLARM (*International Centre for Living Aquatic Resources Management*) atau "*World Fish Centre*" yang ditubuhkan di Batu Maung baru-baru ini.

Kawasan hutan adalah amat terhad di negeri kita dengan melibatkan hanya 6 peratus daripada luas tanahnya. Oleh itu adalah penting untuk melindungi dan memulihara kepelbagaian biologi atau *bio-diversity* dalam kalangan fauna dan flora di habitat asalnya. Di antara langkah-langkah positif yang akan diambil di bawah RNPP1 ialah mewartakan semua kawasan tadahan air, semua hutan simpanan dan sebahagian besar kawasan Pulau Jerejak sebagai hutan simpanan kekal serta menaik taraf status hutan simpanan Pantai Acheh menjadi Taman Negara Pantai Acheh. Walaupun tindakan pemuliharaan dan penguatkuasaan adalah langkah-langkah yang asas dan amat penting, kesedaran dan komitmen terhadap alam sekitar di kalangan rakyat jelata amatlah diperlukan kerana menjaga kualiti alam sekitar merupakan tanggungjawab bersama bagi semua. Oleh itu, program dan kempen mempromosikan kesedaran alam sekitar untuk orang awam dan beberapa golongan sasaran seperti pelajar, belia dan sektor swasta akan terus dipertingkatkan dalam tempoh RNPP1. Sokongan dan kerjasama dari semua pertubuhan dan rakyat jelata akan menentukan kejayaan usaha ini dan selanjutnya menjamin pembangunan yang mampan bagi negeri kita.

Pembangunan Sosial dan Kerohanian

Sememangnya, pembangunan mampan tidak terhad kepada pembangunan ekonomi sahaja. Aspek-aspek sosial dan kerohanian adalah sama-sama penting dan memerlukan perhatian serta penumpuan usaha yang sewajarnya supaya proses pembangunan menjadi seimbang dan mampan. Pembangunan sosial merangkumi banyak aspek seperti perumahan, kesihatan, kebajikan, sukan, pembangunan belia dan wanita. Pembangunan kerohanian pula melibatkan amalan keagamaan dan pendidikan moral.

Perumahan merupakan satu keperluan asas dan cabaran yang berterusan. Lanjutan daripada usaha penggalakkan oleh kerajaan negeri melalui dasar perumahan kos rendah (LC) dan kos sederhana rendah (LMC) lebih daripada 67,000 unit rumah LC dan LMC di dalam 215 projek telah dirancang dan lebih daripada 47,000 unit telah dan sedang dibina setakat ini. Daripada 55,700 pemohon rumah LC dan LMC setakat penghujung tahun 2000 lebih daripada 40,500 telah ditawarkan rumah yang masih menunggu adalah di lingkungan 15,200.

Akibat daripada kegawatan ekonomi, 25 projek yang mengandungi hampir 9,000 unit LC dan LMC dikenali sebagai bermasalah. Di antaranya 8 projek berjaya dipulih, 12 projek tidak melibatkan pembeli langsung dan telah dikeluarkan daripada senarai pemantauan dan hanya 5 projek sahaja yang masih belum dapat bergerak. Berbagai-bagai usaha akan diteruskan untuk membantu para pembeli dan menghidupkan semula projek-projek ini yang terlibat. Dari lebih daripada 16,000 isi rumah yang terjejas akibat pemansuhan Akta Kawalan Sewa atau PAKS, sebanyak hampir 3,900 telah memohon perumahan dan semuanya ditawarkan rumah, tetapi bukan semua yang menerimanya. Seramai 250 yang layak daripada lebih kurang 1,000 orang pemohon PAKS telah ditawarkan rumah sewa, tetapi bukan semua menerimanya. Seramai 250 yang layak daripada lebih kurang 1,000 orang pemohonan PAKS telah ditawarkan rumah sewa.

Dalam tempoh RNPP1, keperluan perumahan dianggar berjumlah lebih daripada 41,000 bagi semua jenis rumah, disebabkan pertambahan penduduk, pembentukan isi rumah baru dan penggantian rumah yang sedia ada. Permohonan kebenaran pembangunan bagi projek-projek perumahan yang merangkumi lebih daripada 50,000 unit LC dan LMC telah dikemukakan dan sebahagian besarnya dijangka akan dibina oleh sektor awam dan swasta dalam tempoh lima tahun ini. Angka ini tidak termasuk cadangan projek-projek perumahan yang belum dirancang atau dikemukakan permohonannya kepada pihak berkuasa tempatan. Dari angka ini, sektor awam bercadang untuk membina hampir-hampir 9,000 unit rumah LC dan LMC dalam 35 projek. Ini termasuk lebih kurang 900 unit rumah sewa di bawah Tabung Program Perumahan Rakyat, di mana RM40.0 juta diperuntukkan di bawah RMKe-8. RM40.0 juta lagi disediakan juga di bawah RMKe-8 untuk pembinaan lebih kurang 800 unit perumahan awam kos rendah atau PAKR. Peruntukan yang besar ini menunjukkan komitmen kerajaan kepada penyediaan perumahan mampu beli untuk rakyat yang berpendapatan rendah, khasnya dalam keadaan pasaran hartanah yang kurang menentu yang dijangka akan menjejaskan sumbangan sektor swasta. Projek-projek perumahan awam yang baru akan dirancang dari masa ke semasa sekiranya tanah yang sesuai dapat dikenalpasti dan bantuan kewangan tambahan diperolehi daripada Kerajaan Persekutuan.

Dalam tempoh lima tahun yang lepas, sebanyak 27 projek kesihatan telah dilaksanakan dengan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan sebanyak RM74.0 juta untuk menaiktaraf hospital, klinik, kemudahan pergigian dan Kolej Sains Kesihatan. Pembinaan Hospital Kepala Batas telah dimulakan dan dijangka siap pada pertengahan tahun depan. Usaha untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan kesihatan akan diteruskan. Sebanyak RM412.0 juta disediakan untuk Kementerian Kesihatan bagi negeri ini di bawah RMKe-8. Nisbah doktor kepada penduduk yang telah meningkat dari 1:1,432 penduduk ke 1:1,168 penduduk dalam lima tahun yang lepas dijangka akan mencapai 1:900 pada tahun 2005, iaitu satu nisbah yang amat berdekatan dengan tahap negara maju. Tumpuan akan diberi kepada beberapa kumpulan sasar yang tertentu, seperti remaja, wargatua, kanak-kanak kurang upaya dan pesakit mental. Kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh sektor swasta dijangka akan terus meningkat untuk memberi rawatan yang bermutu kepada orang tempatan dan pelancong asing.

Dalam bidang pembangunan kebajikan dan sosio-sivik, Negeri Pulau Pinang sentiasa mendahului negeri-negeri lain. Negeri kita mempunyai banyak pertubuhan sukarela yang aktif dan merupakan negeri yang pertama yang berjaya membina sebuah kompleks masyarakat penyayang pada tahun 1997. Ianya dilengkapi dengan segala kemudahan untuk menampung keperluan dan aktiviti pertubuhan-pertubuhan kebajikan, kesihatan, sosio-sivik, wanita dan belia. Kompleks ini sekarang telah menjadi pusat aktiviti yang banyak dipergunakan. Banyak inisiatif dan usaha telah diambil dalam tempoh lima tahun yang lepas untuk melaksanakan program pembangunan belia dan pembangunan wanita. Untuk belia, tumpuan diberi untuk membentuk kualiti kepimpinan dan potensi keusahawanan serta meningkatkan bilangan tenaga mahir. Usaha ini akan diteruskan di bawah RNPP1. Peruntukan sebanyak RM75.0 juta telah disediakan dalam RMKe-8 untuk membina Institut Kemahiran Belia Negara di Negeri Pulau Pinang.

Untuk wanita pula, galakan telah dan akan terus diberi kepada wanita untuk mencapai potensi sepenuhnya dalam semua bidang kerjaya dan memupuk semangat berdikari supaya dapat menangani berbagai-bagai cabaran seperti keganasan keluarga dan ibu tunggal, di samping menyumbang ke arah pembangunan sosial dan ekonomi bagi keluarga dan negeri. Selaras dengan pengwujudan Kementerian Wanita dan Pembangunan Keluarga di peringkat persekutuan, beberapa

inisiatif akan dilaksanakan di peringkat negeri dalam tempoh RNPP1. Sebuah jabatan atau bahagian khusus untuk pembangunan wanita akan diwujudkan, satu Pelan Tindakan Wanita akan dirangka, bilangan pusat khidmat wanita akan diperbanyakkan mengikut kawasan parlimen dan sebuah bangunan baru untuk Anjung Wanita dicadangkan dibina bersebelahan dengan Kompleks Masyarakat Penyayang.

Tempoh lima tahun yang lepas menyaksikan pembangunan sukan yang amat pesat dan berjaya di Negeri Pulau Pinang. Sebagai persediaan untuk menjadi tuan rumah kepada SUKMA Ke-VIII pada tahun 2000, kerajaan negeri telah membina dan menaiktaraf beberapa kemudahan sukan, seperti stadium tertutup PISA, Stadium Negeri di Batu Kawan, kompleks sukan di Bertam dan Balik Pulau dan pusat squasy antarabangsa, melalui sumbangan daripada PDC, MPPP, MPSP dan PBA. Prestasi sukan yang agak cemerlang telah dicapai, di mana bilangan pingat emas yang dimenangi oleh kontingen negeri ini telah meningkat dari lima (5) sahaja di SUKMA Ke-VI pada tahun 1996 ke-34 di SUKMA Ke-VIII pada tahun 2000. Dalam tempoh RNPP1, usaha akan dipertingkatkan untuk membina dan menaiktaraf kemudahan-kemudahan sukan yang lain untuk dijadikan tapak latihan kekal bagi beberapa acara sukan yang berpotensi. Untuk tujuan ini, peruntukan kerajaan negeri di bawah RNPP1 adalah berjumlah RM26.5 juta yang merupakan peningkatan sebanyak 38.0 peratus berbanding dengan tempoh lima (5) tahun yang lalu. Peruntukan tambahan akan dimohon dari Kerajaan Persekutuan, jikalau perlu.

Pendidikan merupakan satu bidang dalam sektor pembangunan sosial yang amat penting. Ianya tidak terhad kepada pembangunan sumber manusia atau *human capital* untuk pembangunan ekonomi sahaja, tetapi merangkumi pembangunan insan dan pembentukan kewarganegaraan atau *citizenry building* dan pemupukan nilai-nilai moral. Pendidikan formal melalui sistem persekolahan menjadi asas untuk proses pembangunan insan ini. Di bawah RMKe-8, sebanyak RM664.0 juta diperuntukkan bagi pembangunan pendidikan di negeri ini, termasuk RM372.0 juta untuk membina dan menaiktaraf sekolah-sekolah, RM158.0 juta untuk pembangunan politeknik, sekolah menengah teknikal dan vokasional, RM15.0 juta untuk pendidikan perguruan, hampir RM8.0 juta untuk beberapa buah kolej komuniti dan RM101.0 juta untuk membina dan melengkapkan makmal komputer bagi sekolah-sekolah menengah.

Walau bagaimanapun, pendidikan tidak terhad kepada sistem persekolahan formal sahaja. Di peringkat yang lebih rendah, ianya merangkumi pendidikan pra-sekolah dan didikan di rumah. Oleh itu, usaha akan diteruskan untuk membekalkan maklumat keibubapaan dan membantu pembangunan tadika. Di peringkat lepas sekolah, peluang pendidikan lanjutan dalam berbagai-bagai bidang hendaklah dipertingkatkan. Majlis Perundingan Pendidikan Negeri telah dan akan terus berusaha untuk menggalakkan pembangunan pendidikan bukan formal ini. Untuk menampung keperluan pendidikan pada amnya dan memenuhi hasrat mewujudkan k-masyarakat, sistem perpustakaan negeri telah banyak berkembang dalam tempoh lima tahun yang lepas dengan siapnya pembinaan sebuah perpustakaan negeri, sebuah perpustakaan daerah serta beberapa buah perpustakaan desa dan bergerak. Sambutan adalah amat menggalakkan, di mana bilangan pengguna perpustakaan telah meningkat dari 190,000 orang pada tahun 1996 ke hampir 700,000 pada tahun 2000 yang lepas. Usaha ini akan dipertingkatkan dalam tempoh RNPP1. Sebanyak RM10.0 juta dari sumber negeri dan RM8.0 juta dari sumber persekutuan disediakan untuk pembinaan empat (4) buah perpustakaan cawangan, 17 buah perpustakaan pekan dan 24 buah perpustakaan desa siber.

Akhirnya, terpenting sekali dalam pembangunan insan dan pembangunan sosial ialah peranan yang dimainkan dan diharapkan kepada agama. Hakikat ini diutamakan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri, di mana Islam adalah agama persekutuan dan negeri, tetapi kebebasan menganut dan mengamalkan agama-agama lain dibenarkan bahkan digalakkan bagi para penganut agama lain.

Lanjutan daripada penggubalan dan pengwartaan Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Tahun 1994, beberapa enakmen telah digubal dan diwartakan dalam tempoh lima tahun yang lepas, iaitu mengenai kesalahan dan acara jenayah syariah, keterangan syariah dan tatacara mal mahkamah syariah. Di samping itu, Pejabat Mufti Negeri dan Jabatan Kehakiman telah ditubuhkan secara berasingan dari Jabatan Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JAIPP), manakala pejabat pentadbir agama pula diwujudkan di setiap daerah untuk meningkatkan lagi sistem pentadbiran dan pengurusan hal ehwal Islam supaya menjadi lebih mantap. Hasil daripada usaha ini, banyak program keagamaan, sosial dan ekonomi dapat dilaksanakan bagi umat Islam dengan lebih berkesan dan cekap lagi.

Dalam tempoh RNPP1, untuk melahirkan umat Islam yang cemerlang, program dakwah akan dilaksanakan; fungsi institusi masjid dan surau sebagai one-stop agensi bagi membina perkembangan rohani, ekonomi, ilmu dan penyatuan ummah akan dioptimumkan. Penggunaan ICT akan dipertingkatkan dengan pengwujudan Mosnet yang akan menghubungkan semua masjid di seluruh negeri. Sebuah Kompleks Islam akan dibangunkan peringkat demi peringkat. Kelas Kafa, kemudahan sekolah Agama akan terus dipertingkatkan. Berbagai-bagai modul untuk memantapkan institusi kekeluargaan akan dikenalpasti. Kebanyakan daripada program tersebut akan dibiayai melalui Tabung Zakat, di mana pembayaran zakat oleh lebih ramai umat Islam akan terus digalakkan. Usaha akan diteruskan untuk membangunkan tanah wakaf dan Baitulmal yang telah dikenalpasti, manakala harta MAIPP di kawasan warisan di bandar Georgetown akan dipulih dan dibangunkan, di mana peruntukan berjumlah RM40.0 juta telah disediakan oleh Kerajaan Persekutuan di bawah RMKe-8.

Pembiayaan Awam dan Kemajuan Pentadbiran

Dato' Speaker, sebagai kesimpulan, saya ingin merumuskan anggaran belanjawan yang disediakan untuk melaksanakan projek-projek pembangunan dalam tempoh RNPP1 dan RMKe-8. Peruntukan pembangunan dari semua sektor awam untuk Negeri Pulau Pinang pada keseluruhannya berjumlah RM8,408 juta, iaitu sama dengan perbelanjaan dalam lima (5) tahun yang lepas di bawah RMKe-7. Jumlah ini terdiri daripada empat (4) punca utama. Yang pertama dan terbesar sekali ialah peruntukan Kerajaan Persekutuan di bawah RMKe-8 sebanyak RM4,021 juta atau 48.0 peratus daripada jumlah besar. Angka ini adalah lebih tinggi sedikit berbanding dengan perbelanjaan sebenar di bawah RMKe-7 sebanyak RM3,947.0 juta. Ini termasuklah peruntukan untuk PERDA sebanyak RM200.0 juta.

Punca yang kedua terbesarnya adalah dari badan-badan berkanun negeri seperti PDC dan PBA, serta Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) seperti TNB, STM, MAB dan PPSB, dengan jumlah anggaran belanjawan sebanyak RM2,493.0 juta atau 30.0 peratus daripada jumlah besar. Angka ini merupakan penurunan sebanyak RM487.0 juta atau 15.0 peratus berbanding dengan jumlah RM3,180.0 juta bagi tempoh lima tahun yang lepas kerana sebahagian besar daripada projek-projek pembangunan yang utama dan asas telah dimulakan atau disempurnakan di bawah RMKe-7. Banyak projek RMKe-8 dan RNPP1 merupakan projek-projek lanjutan atau sambungan.

Punca yang ketiga ialah peruntukan Kerajaan Negeri sendiri yang berjumlah RM1,234.0 juta atau 15.0 peratus daripada jumlah besar. Ianya merupakan peningkatan sebanyak RM563.0 juta atau 84.0 peratus berbanding dengan perbelanjaan sebanyak RM672.0 juta bagi tempoh lima (5) tahun yang lepas. Peningkatan peruntukan Kerajaan Negeri yang besar dan nyata ini menunjukkan keazaman dan komitmen Kerajaan Negeri untuk menampung keperluan ekonomi dan sosial yang mendesak, membantu menjana pertumbuhan ekonomi dalam keadaan ekonomi yang meleset dan tidak menentu, membiayai porojek-projek infrastruktur yang tertentu serta memajukan pembangunan sumber manusia. Di antara jumlah ini, sebanyak RM145.0 juta disediakan untuk pengambilan tanah bagi tujuan pembangunan kerana tanah milikan Kerajaan Negeri kurang dan amatlah terhad.

Yang keempat dan terkecil sekali ialah punca dari Pihak Berkuasa Tempatan, iaitu MPPP dan MPSP dengan jumlah RM660.0 juta atau hampir 8.0 peratus daripada jumlah besar. Ianya merupakan peningkatan kecil berbanding dengan perbelanjaan RM621.0 juta bagi lima (5) tahun yang lepas. Peruntukan pembangunan oleh MPPP dianggarkan RM310.0 juta, yang menunjukkan peningkatan sebanyak RM147.0 juta atau hampir dua kali ganda, berbanding dengan perbelanjaan lima (5) tahun yang lepas. Ini menunjukkan persediaan MPPP untuk memberi peruntukan yang lebih banyak untuk tujuan pembangunan. Bagi MPSP pula, perbelanjaan pembangunan sebenar bagi lima (5) tahun yang lalu adalah agak besar, iaitu sebanyak RM458.0 juta. Oleh itu, secara perbandingan, peruntukan bagi lima tahun yang akan datang menunjukkan pengurangan sebanyak RM109.0 juta atau 24.0 peratus, tetapi masih lebih banyak daripada peruntukan MPPP. Ini adalah kerana luasnya kawasan pentadbiran MPSP adalah 2.5 kali ganda berbanding dengan kawasan MPPP.

Peruntukan pembangunan Kerajaan Negeri di bawah RNPP1 dibahagikan mengikut tiga sektor utama, iaitu ekonomi, sosial dan pentadbiran am. Di bawah sektor ekonomi, sebanyak RM604.0 juta diperuntukkan yang merupakan hampir setengah daripada jumlah besar RM1,234.0 juta. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM156.0 juta atau 35.0 peratus berbanding dengan perbelanjaan bagi lima (5) tahun yang lepas. Di bawah sektor ekonomi, pembangunan pertanian diberi peruntukan sebanyak RM106.0 juta, iaitu peningkatan RM45.0 juta atau 75.0 peratus berbanding dengan hanya RM61.0 juta yang dahulu.

Sektor pengangkutan, termasuk infrastruktur asas seperti jalan dan jambatan diberi peruntukan sebanyak RM286.0 juta, iaitu peningkatan RM123.0 juta atau 75.0 peratus berbanding dengan RM164.0 juta di bawah tempoh lima(5) tahun yang lepas. Dari RM500.0 juta yang disediakan bagi pembangunan sumber air, RM200.0 juta akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri melalui pinjaman persekutuan, berbanding dengan RM219.0 juta di bawah RMKe-7. Yang baki RM300.0 juta akan ditanggung oleh Perbadanan Bekalan Air Sdn. Bhd., sebagai sebuah syarikat yang dikorporatkan melalui sumber dananya sendiri dan pinjaman komersial, jikalau perlu. Peruntukan bagi penyelidikan dan pembangunan, terutamanya untuk pelbagai kajian dan penggubalan strategi ekonomi dan juga sains dan teknologi adalah sebanyak RM12.0 juta, iaitu peningkatan sebanyak RM7.0 juta atau 143.0 peratus berbanding dengan hampir RM5.0 juta di bawah tempoh lima(5) tahun yang lalu.

Bagi sektor sosial pula, sebanyak RM510.0 juta diperuntukkan yang merupakan 41.0 peratus daripada jumlah besar. Angka ini menunjukkan peningkatan RM293.0 juta atau 135.0 peratus berbanding dengan RM217.0 juta bagi tempoh lima(5) tahun yang lalu. Peningkatan yang besar ini mencerminkan komitmen kerajaan negeri terhadap pembangunan sosial secara lebih seimbang lagi berdasarkan kepada konsep masyarakat penyayang dan pembangunan seimbang.

Jumlah peruntukan pembangunan Kerajaan Negeri bagi tempoh RNPP1 sebanyak RM1,234.0 juta akan dibiayai melalui sumber negeri serta pinjaman dan peruntukan geran daripada Kerajaan Persekutuan. Amaun dan peratusan sumber negeri adalah bergantung kepada hasil negeri seperti cukai langsung, cukai tidak langsung, hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil.

Untuk menangani ancaman kemelesetan ekonomi, punca-punca perbelanjaan sektor awam yang biasa mengikut rancangan lima tahun sama ada di peringkat persekutuan atau negeri, serta punca-punca dari badan-badan berkanun dan kerajaan tempatan dengan sendirinya sememangnya adalah tidak memadai. Oleh itu, Kerajaan Persekutuan telah memberi dua tambahan peruntukan pada tahun ini sebagai langkah *pre-emptive* untuk mencegah kemelesetan dan untuk cuba merangsang dan merancakkan atau "*prime-pump*" ekonomi negara. Dua peruntukan *pre-emptiv* ini adalah RM3.0 billion

pada bulan Mac dan RM4.3 billion pada bulan September baru-baru ini. Adalah dijangka bahawa langkah-langkah dan peruntukan *pre-emptive* seumpama ini akan dilanjutkan pada masa hadapan jikalau didapati masih perlu. Kerajaan negeri akan terus berusaha dan bekerjasama rapat dengan Kerajaan Persekutuan supaya mendapatkan seberapa banyak peruntukan *pre-emptiv* yang boleh untuk membantu ekonomi negeri ini, khasnya golongan-golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana supaya dapat mengurangkan *cushion* impak kegawatan ekonomi.

Akhirnya, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pegawai-pegawai UPEN, SERI serta semua jabatan dan agensi yang telah bertungkus-lumus menggubal RNPP1 ini walaupun menghadapi masalah kekurangan sumber manusia dan jentera pentadbiran kalau dibandingkan dengan EPU dan semua kementerian di peringkat pusat. Sememangnya, saya juga ingin menegaskan bahawa pentadbiran awam yang berkesan dan cekap amatlah penting untuk menentukan kejayaan pelaksanaan RNPP1 dan PSDP2, terutamanya di dalam memastikan peruntukan pembangunan sektor awam dibelanjakan mengikut perancangan dan setiap projek dapat mencapai sasarannya. Kerajaan Negeri akan meneruskan dengan amalan pentadbiran yang pragmatik dan fleksibel serta memastikan sektor awam berupaya mewujudkan iklim dan suasana yang kondusif untuk penyertaan masyarakat umum dan sektor swasta secara berkesan dan bermakna di dalam proses pembangunan negeri.

Pelbagai program pembaharuan dan pengurusan kualiti akan dipergiatkan untuk membolehkan perkhidmatan awam mengurus perubahan dan membuat penyesuaian yang sewajarnya supaya dapat menghadapi cabaran dalam alaf baru, terutamanya di dalam memenuhi kriteria dan keperluan *good governance*. Penglibatan semua peringkat pentadbiran di dalam menangani cabaran dan isu pembangunan, terutamanya semasa negeri kita menghadapi krisis kewangan baru-baru ini, terbukti telah berjaya mendatangkan kesan positif dan memulihkan ekonomi negeri. Dengan sokongan padu yang berterusan daripada seluruh anggota perkhidmatan, usaha yang lebih berkesan akan dapat dilakukan untuk meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan serta sektor swasta.

Pencapaian cemerlang di dalam pembangunan negeri selama ini adalah hasil usaha gigih dan bersepadu daripada semua pihak yang telah memberi sokongan dan kerjasama kepada kerajaan. Saya yakin jika sokongan dan kerjasama ini diteruskan dan semua pihak berganding bahu, Negeri Pulau Pinang mempunyai peluang yang cerah untuk terus memperolehi kejayaan serta mencapai *the Penang Vision* yang ditetapkan untuk kesejahteraan dan kemakmuran rakyat keseluruhannya. Saya percaya bahawa dalam misi ini, semua ahli dalam Dewan ini sebagai wakil rakyat akan terus memainkan peranan yang positif bersama-sama dengan rakyat dan kerajaan. Atas kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat yang berterusan, saya ucapkan terima kasih dan selamat berjuang. Saya memohon mencadangkan.

Timbalan Ketua Menteri:

Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

Dato' Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga jam 9.30 pagi 6 November tahun 2001.

Dewan ditangguh pada jam 11.15 pagi.